

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

BMF: Apakah Ia Mampu Mengubah Ekonomi Sahaja?

Durasi: 1:35:49

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (0:57 – 1:54)

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Sekali lagi kita dalam Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Pada malam ini kita akan membincangkan tajuk BMF: Apakah Ia Mampu Mengubah Ekonomi Sahaja? Bagi membicarakan tentang topik ini, kita bersama beberapa panel. Yang pertama, kita ada Ustaz Engku Ahmad Fadzil yang merupakan Ahli Jawatankuasa Ilmuan Ahli Sunnah Wal Jamaah, selamat datang diucapkan kepada Ustaz Engku. Kita juga ada Tuan Haji Aminuddin Yahaya yang merupakan Pengerusi Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam. Selamat datang diucapkan. Seterusnya, kita ada Dr Haji Abd Halim Husin yang merupakan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Selamat datang diucapkan kepada para panel. Assalamualaikum.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Tuan Haji Aminuddin Yahaya, Dr Haji Abd Halim Husin (ahli panel) = (1:55 - 1:58)

Walaikumussalam w.b.t.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:59 - 3:11)

Jadi, untuk bertanya tentang topik BMF, di mana kita tahu bahawa kempen ini sudah lama berkumandang dalam kalangan bangsa kita, bangsa Melayu dan umat Islam, tetapi sejauhmana keberkesannya itu masih menjadi tanda tanya dan titik pencarian ramai pihak sama ada dari segi pembeli atau penjual itu sendiri kerana masing-masing belum melihat adanya struktur yang sangat kuat disokong oleh pelbagai pihak dalam pelbagai aspek. Jadi, pada malam ini, kita hendak mulakan dahulu dengan Ustaz Engku Ahmad Fadzil. Pada zaman ini dan sebelum ini, terdapat cerita-cerita pada zaman Rasulullah SAW dahulu, selepas baginda tiba di Madinah yang sudah dikuasai oleh orang-orang Yahudi, orang-orang Yahudi ini mempunyai pasar mereka sendiri. Tetapi Nabi Muhammad SAW telah mengarahkan untuk membina pasar sendiri. Adakah saranan ini ada kaitannya dengan kempen BMF? Silakan Ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (3:16 – 13:30)

Assalamualaikum w.b.t. Bismillahirrahmanirrahim (Bacaan doa). Alhamdulillah, terima kasih kepada saudara Lokman Hakiem, sebagai moderator kita dan seterusnya kepada rakan-rakan ahli panel yang saya hormati. Fokus kepada tajuk BMF dan secara lebih khusus tentang soalan bagaimana Rasulullah SAW sejurus selepas berhijrah ke Madinah, selain daripada membina masjid, baginda juga mengarah supaya disediakan pasar atau dalam Bahasa Arab disebut sebagai “Suq” atau “Suq al-Makhanah” sedangkan jika dilihat, di Madinah sudah ada pasar yang dikuasai dan dijalankan aktiviti-aktivitinya oleh orang-orang Yahudi. Jadi soalannya, apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW ini, mungkin kita boleh katakan sebagai sunnah fi’liyyah atau sunnah perbuatan. Apa kaitannya dengan kempen BMF? Bagi menjawab soalan ini, kita perlu faham dahulu apa rasional di sebalik kewujudan Suq atau Pasar di Madinah dan apa yang dimaksudkan dengan BMF itu serta apakah objektifnya? Pertama, apabila kita bercakap tentang pasar, kita perlu faham bahawa dalam kehidupan manusia, pasar ini merupakan satu tonggak atau rukun kehidupan kerana pasar ini menjadi platform kepada aktiviti-aktiviti ekonomi. Aktiviti-aktiviti ekonomi mudah dilakukan secara paling asas, berlaku jual beli antara pembeli dan peniaga. Oleh kerana pasar merupakan salah satu tonggak kehidupan, maka pasar diberi keutamaan oleh Rasulullah SAW. Jelas daripada sikap Rasulullah SAW ini, agama Islam bukanlah agama yang membuang dunia dari tangan umat Islam. Dunia perlu dikuasai oleh umat Islam. Jika ada pun konsep membuang dunia seperti yang diterangkan oleh para ulama’ tasawuf, yang dimaksudkan oleh mereka ialah membuang dunia dari hati atau dengan erti kata lain, tidak membenarkan diri kita diperhambakan oleh dunia, sebaliknya kita menguasai dunia untuk memperhambakan dunia bagi kebaikan dan kemaslahatan dunia dan akhirat. Itu secara ringkas tentang rasional pasar. Bukan sahaja pasar yang diwujudkan oleh Rasulullah SAW, bahkan pasar-pasar mana pun secara asasnya adalah satu keperluan kehidupan dan aktiviti-aktiviti ekonomi. BMF adalah singkatan kepada Buy Muslim First iaitu beli daripada orang-orang Islam dahulu. Maknanya, ada *priority* atau keutamaan. Ia bukan BMO iaitu Buy Muslim Only. Bukan kita katakan bahawa kita langsung tidak mahu membeli daripada *non-Muslims* hatta dengan kata lain kita memboikot daripada mengurusniaga dan berdagang dengan orang-orang bukan Islam. Tidak. Tetapi, di mana ada ruang dan peluang, maka keutamaan diberikan kepada orang-orang

Islam. Jadi, jelas bahawa BMF adalah untuk memberi peluang dan kelebihan ekonomi kepada orang-orang Islam. Itu sangat jelas. Tetapi yang tidak jelas, mungkin mengapa apabila BMF dijalankan, tidak kelihatan satu perubahan yang nyata atau ketara. Kita perlu faham, bahawa walaupun BMF dalam pelbagai sudut memberikan peluang dan kelebihan ekonomi seperti jika kita katakan BFF, Buy Family First, misalnya, dalam ramai-ramai orang berniaga dalam satu kumpulan perniagaan, kita membeli di kedai keluarga kita terlebih dahulu. Mengapa? Kerana dorongan untuk menguntungkan keluarga sendiri, misalnya. Jadi, dari segi kelebihan ekonomi memang ada tetapi belum tentu menyediakan platform sebuah pasar yang lebih menyeluruh kerana jika kita membeli daripada orang Islam, dia mungkin berniaga di atas platform orang yang bukan Islam. Mungkin dia mendapat bekalan daripada orang yang bukan Islam bahkan lebih parah lagi, mungkin dia mengamalkan budaya perniagaan yang tidak Islamik yang ada elemen penipuan, ribaa dan seumpama dengannya. *Muslim yes, but it's not Islamic*. Ini merupakan satu perkara yang perlu kita sedari, membeli daripada orang Islam terlebih dahulu, memberi *priority* sedemikian, tidak memastikan kita menguasai pasaran. Jadi, MBF membantu merawat sebahagian symptom tetapi mungkin tidak menyelesaikan punca masalah kelemahan umat Islam di dalam ekonomi apabila pasar dan pasaran masih tidak dikuasai oleh orang Islam. Dalam konteks Nabi SAW membina pasar atau mengarahkan supaya diwujudkan pasar di Madinah selepas hijrah, selalu dikatakan bahawa bukan hanya masjid dibina oleh Nabi SAW, bahkan pasar juga. Maknanya, Islam ini bukan hanya agama ibadah sahaja, tetapi juga agama ekonomi. Namun jangan lupa, *the other way is also important* iaitu perlu diingatkan bahawa bukan hanya pasar yang dibina bahkan yang pertama ialah masjid. Maksudnya, memang aktiviti ekonomi penting, kita tidak menafikannya. Tetapi, kepentingan ekonomi ini dikongsi oleh Muslim dan *non-Muslim*. Dikongsi oleh orang yang beriman dan tidak beriman. Bezanya, orang yang beriman mempunyai dorongan dalaman kerana tarikan hartanya kuat. Dia boleh mendorong orang itu menjadi tidak jujur, orang itu menipu, merasuah dan sebagainya. Mengapa perlu berasuah untuk berniaga? Bukan menjual sahaja? Kadangkala dalam mendapatkan *supply*, mendapatkan *tender*, kelebihan dan sebagainya boleh mendorong orang itu melakukan perkara yang haram. Jadi, elemen masjid, elemen iman, elemen kekuatan dalaman itu tidak boleh diabaikan. Jadi, perlu ada keindahan iman dan batin yang mendorong kepada kemantapan amalan dan zahir. Kadangkala kita hanya menggunakan sentimen iaitu kita perlu membeli daripada orang Islam. Ya, jika orang Islam itu menawarkan tawaran yang berbaloi berbanding

dengan apa yang ditawarkan oleh *non-Muslims*. Biar pelanggan memilih kerana mereka suka, bukan kerana terpaksa. Saya berikan contoh pengalaman saya sendiri. Saya pergi ke kedai runcit, *hardware* orang Islam. Saya tanya ada tak barang yang saya mahukan itu. Tuan kedai atau pembantu kedai tersebut hanya tunjukkan dengan isyarat mulut. Ini kurang bagus. Saya bukan hendak memburukkan bangsa sendiri, tetapi supaya kita mengakui kelemahan kita di mana sedangkan apabila saya pergi ke kedai bangsa yang bukan Islam, apabila saya beritahu bahawa saya hendakkan satu barang, dia terus panggil saya pergi ke rak, dia carikan barang tersebut dan tunjukkan kepada saya. Itu satu pengalaman saya. Yang kedua, suatu masa dahulu, ketika saya mula-mula hendak membeli hartanah kecil-kecilan di Selangor, saya membuat satu appointment kebetulan dengan tiga orang. Satu orang Islam, dua orang lagi bukan Islam iaitu Cina dan India. Lihat perbezaannya. Saya tiba di tempat yang dijanjikan itu dan apabila saya menelefon orang Islam tersebut, dia masih di rumah. Dia bertanya kepada saya, “Eh, Encik sudah sampai?” Saya menjawab, “Kita telah janji pada waktu sekarang.” Dia hanya tiba satu jam selepas saya sudah pulang. Yang India, kebetulan semasa saya tiba, saya berada di hadapan dan dia berada di belakang, maknanya, kami tiba pada waktu yang hampir sama. Yang Cina, apabila saya tiba, dia sudah membuka kipas, pendingin hawa supaya saya selesa memerhatikan unit yang dia hendak jual. Jadi, sebab itu kita katakan bahawa kita tidak boleh menggunakan sentimen semata-mata. Konsep Buy Muslim First memang bagus, tetapi *Muslim must be first as well, in term of quality, in term of services*, begitu juga seperti dunia politik. Biarlah ahli politik Islam menawarkan khidmat yang memang digemari oleh pengundi berbanding hanya cuba membeli atau memaksa sokongan. Saya rasa tepat 10 minit masa yang diberikan kepada saya, jadi hentikan dahulu, saya serahkan Kembali kepada saudara moderator. Silakan.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (13:31 – 13:58)

Baik, terima kasih. Jadi, terdapat perbezaan-perbezaan yang kita terpaksa akui. Perkara ini memang perlu ditambah baik. Jadi, kita hendak tanyakan pula kepada Tuan Haji Aminuddin. Apa lagi kelemahan ekonomi kita yang boleh membuatkan sikap mudah kompromi dalam kalangan ahli politik kita ini dan apakah kesannya? Silakan Tuan Haji.

Tuan Haji Aminuddin Yahaya (ahli panel) = (14:00 – 25:23)

Ya, terima kasih moderator, rakan panelist kerana menjemput saya pada malam ini. Sebenarnya, antara kepincangan dalam sistem ekonomi ini ialah kita masih lagi terikat dengan sistem ekonomi kapitalis iaitu sistem ekonomi yang kaya menekan yang miskin, yang kuat menekan yang lemah, dan segala-galanya dinilai dalam konteks kebendaan. Sebab itu ekonomi ini melahirkan satu *gap* yang begitu luas antara yang kaya dengan yang miskin. Ini menyebabkan ketidakadilan dalam pembahagian harta benda atau kemewahan ini. Jadi, apabila berlaku *gap* yang sebegini, jadi sudah tentu yang tertekan, akhirnya untuk hidup mereka terpaksa melakukan perkara-perkara yang melanggar sama ada dari segi agama, etika sosial ataupun moral. Maka, pada hari ini, berlakulah eleme-elemen seperti salahguna kuasa, rasuah dan sebagainya. Semuanya disebabkan oleh tekanan ekonomi yang berada dalam kehidupan. Jadi, untuk *survive*, mereka terpaksa mengambil rasuah dan sebagainya. Ini antara faktor paling besar yang berlaku dalam negara kita. Sistem ekonomi yang kita warisi daripada Barat menyebabkan berlaku salah laku yang saya sebutkan tadi. Jadi, perkara ini berlanjutan dan berbalik juga kepada konteks politik. Apabila ahli politik juga mewakili pemikiran-pemikiran kapitalis sebegini, maka sudah tentu mereka akan cuba mendapatkan sebanyak mungkin kekayaan, harta benda daripada kuasa yang mereka ada. Ini menyebabkan mereka bersedia misalnya untuk dibeli, dibayar dan membuat pelbagai tindakan-tindakan atau projek-projek yang asalnya tidaklah setinggi mana, tetapi disebabkan berlakunya rasuah dan pelbagai komisen, akhirnya sebab itu kita dengar barang yang RM10 menjadi RM30 ke RM40, barang yang harga RM1000 menjadi RM4000 ke RM5000. Ini semua disebabkan oleh bukan sahaja kehendak nasfu serakah individu, tetapi dalam keperluan sistem politik kita kerana masih mengamalkan sistem politik kapitalis. Jadi, perjangkitan ini akhirnya menyebabkan ahli politik kita sudah tidak lagi memikirkan nasib untung bangsa sebaliknya hanya untuk mereka *survive* dalam percaturan politik. Keadaan ini sangat bahaya sebenarnya kerana jika seorang pemimpin, parti politik atau pemimpin parti yang memerintah dan menentukan dasar dan polisi negara tetapi mereka boleh dijual beli oleh pihak-pihak tertentu berdasarkan kepada imbuhan-imbuhan yang mereka dapat, jadi sudah pasti polisi yang mereka lakukan dan tindakan yang mereka lakukan akan mengutamakan hanya segelintir pihak. Akhirnya, yang untung adalah pihak yang tersebut, tetapi yang menderita adalah rakyat. Ini yang kita lihat apabila apabila ekonomi kita didasarkan sebegini, maka yang menderita akan terus menderita sedangkan parti-parti politik atau ahli-ahli politik tidak terjejas apa-apa malah yang lebih menyedihkan kita dengar bahawa mereka bukan sahaja mempunyai sejuta atau dua juta

malah berbillion-billion yang terdapat dalam akaun mereka. Bagi saya, ini semua lahir daripada pemikiran kapitalis, kehidupan yang sangat menekan. Mungkin pada peringkat awal kita lihat mereka ini bukan dalam kalangan yang berada, tetapi apabila masuk dalam dunia politik, mereka menjadi kaya raya. Jadi, dalam keadaan mereka menerima suapan atau rasuah yang sedemikian, mana mungkin mereka boleh bergerak atau berjuang atas dasar prinsip tetapi mereka akan berjuang berdasarkan siapa yang banyak memberi dan siapa yang boleh menawarkan keuntungan yang lebih. Jadi, ini sebenarnya yang menekan dalam negara. Sebab itu kita tidak hairan apabila negara kita ini sentiasa dilihat sebagai tempat yang banyak berlaku *corruption*, yang tidak konsisten dari segi polisi dan sebagainya. Polisi tersebut sudah bagus, tetapi mengapa kita tidak capai Dasar Ekonomi Baru (DEB) contohnya, yang memperuntukkan 30% penguasaan bumiputra dalam ekuiti walaupun negara sudah merdeka selama 64 tahun, pemerintahnya dari dahulu sehingga ke hari ini Melayu Islam, tetapi kita masih tidak mencapai peratusan yang diletakkan sejak tahun 1970 oleh Allayarham Tun Razak. Hal ini kerana berlaku banyak ketirisan-ketirisan di tengah jalan. Jadi, polisi sebenarnya sudah bagus dan dasar pendidikan kita juga ada yang bagus, tetapi disebabkan ekonomi kapitalis dan penguasaan pihak-pihak yang mempunyai kewangan yang kuat terhadap pemimpin-pemimpin parti, akhirnya dasar hanya tinggal sebagai dasar sahaja dan tidak dipraktikkan. Oleh itu, kita lihat dasar-dasar dan polisi-polisi ini hanya tinggal sebagai dasar dan polisi. Ubahlah bagaimana sekalipun, tetapi jika seseorang itu mempunyai pemikiran kapitalis dan political begini, maka kita tidak berjaya mendapatkan peratusan yang telah disasarkan oleh pemimpin kita dahulu. Wujud pula kronisme, nepotisme dan sebagainya. Kita sering mendengar bahawa yang mendapat hanyalah orang yang sama walaupun kadangkala syarikat yang berbeza masuk, *tender* dan sebagainya tetapi di sebaliknya hanyalah orang yang sama. Ini juga merupakan kepincangan yang besar dalam sistem ekonomi. Akhirnya, dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan hari ini masih gagal untuk menstabilkan atau mengurangkan jurang antara kaum dalam konteks ekonomi atau pendapatan isi rumah terutamanya. Lebih malang lagi, jika kita lihat antara tiga kaum ini iaitu Cina, India dan Melayu atau bumiputra, maka orang Melayulah yang tercorot sekali walaupun kita katakan orang Melayu yang memerintah sama ada dari segi Raja, Perdana Menteri dan sebagainya, tetapi begitulah keadaannya kerana wujud kepincangan dalam sistem kapitalis. Jadi, kita perlu berubah. Inilah sebenarnya yang cuba dibawa oleh BMF. Apabila orang-orang Melayu ini sentiasa ditekan oleh sistem ekonomi yang tidak adil ini, maka sudah tentu akan berlaku kebobrokan

sosial. Jika dahulu, kita dengar bahawa orang Melayu jarang ada yang membunuh diri, tetapi hari ini kita lihat peratusan orang Melayu Islam yang membunuh diri sudah meningkat. Ini satu perkara yang sangat tidak terfikirkan oleh mana-mana pihak. Jika 7 atau 8 tahun dahulu kita tidak terfikir, kerana bunuh diri ini bukan perkara yang biasa kepada orang Islam. Itu adalah satu kemungkaran yang sangat besar tetapi sekarang sudah berlaku kerana tekanan ekonomi yang tidak adil. Hal ini kerana memang sistem kapitalis hanya akan menguntungkan yang kaya. Yang kaya akan terus kaya dan yang miskin akan terus miskin. Jika kita lihat hari ini, tiada rumah yang berharga di bawah RM500,000 kecuali di pinggir-pinggir bandar atau kampung-kampung, itu pun tidak kurang daripada RM300,000. Maknanya, mana mungkin pemuda-pemuda kita hari ini yang bergaji RM2000 ke RM3000 mampu membeli rumah. Jadi, ini memberikan tekanan hidup kepada mereka kerana ketidakadilan sistem ekonomi. Kita tidak nampak kesungguhan kerajaan untuk membaiki sistem ini. Walaupun terdapat bantuan-bantuan yang istilahnya kedengaran bagus, diberikan kepada bumiputra, orang Melayu tetapi realitinya sangat sedikit walaupun konsepnya hendak membantu. Kerana apa? Kerana berlakulah ketirisan di sana sini. Bagi saya, ini semua berpunca daripada pemikiran dan sikap orang politik yang tidak mengutamakan rakyat tetapi sebaliknya mengutamakan kuasa yang dapat mengaut keuntungan dan kemewahan yang mereka dambakan. Saya rasa itu dahulu bagi sesi yang pertama ini, sekian.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (25:24 – 26:08)

Baik, terima kasih Tuan Haji Aminuddin. Sebentar tadi Tuan Haji ada menyebut bahawa berlakunya ketirisan, sistem kapitalis, dan sekiranya ada projek yang nama syarikatnya berbeza-beza tetapi di belakangnya adalah orang yang sama. Kita hendak tanyakan pula kepada Dr Haji Abd Halim. Terdapat sumber yang mengatakan bahawa PETRONAS mengikat kontrak pembekalan air mineral daripada sebuah syarikat bukan Melayu sedangkan ada pembekal Islam yang mampu menyediakan perkara yang sama. Kita juga tahu bahawa terdapat GLC-GLC lain yang turut sama terlibat. Apakah komen Dr tentang perkara ini yang sering mendapat perhatian daripada masyarakat. Silakan.

Dr Haji Abd Halim Husin (ahli panel) = (26:11 – 39:00)

Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih tuan moderator, Ustaz Engku, Tuan Haji Aminuddin dan Tuan Haji Kareem yang menjemput saya ke majlis pada hari ini. Soalan moderator tadi memang

menyentuh hati saya. Pertama sekali, Petronas adalah sebuah institusi yang keseluruhannya Melayu daripada Presidennya sehingga ke tukang sapu, 90% adalah Melayu. Tuduhan ini sebenarnya ada benarnya disebabkan pembekal air ke Petronas di tepi-tepi jalan sana sebenarnya adalah *producer* juga kepada Spritzer di mana Spritzer ini merupakan satu jenama yang lebih besar. Seperti perniagaan-perniagaan lain, satu tempat diusahakan oleh pelbagai syarikat tetapi sebenarnya diusahakan oleh seorang sahaja pengusaha. Jadi, Spritzer dan air yang dikeluarkan untuk Petronas serta beberapa jenama yang lain sebenarnya dikeluarkan di syarikat atau *facility* yang sama. Jadi, ini adalah salah satu perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat modal dan pasaran yang lebih, seterusnya mereka dapat menembusi Petronas. Mereka lebih berminat untuk mendapatkan keuntungan daripada syarikat-syarikat yang sudah menjadi agak besar supaya jenama mereka juga dijaga. Sesiapa yang mahu berniaga dengan Petronas perlu menghantar sehingga ke ceruk-ceruk seperti Segamat, Kota Bahru, Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya. Ini menyebabkan ramai pengusaha Melayu atau Islam tidak dapat bersaing. Salah satu perkara yang mungkin para penonton tidak tahu, jika hendak meletakkan sesuatu barang di Petronas, semua outlet-outlet Petronas ini akan mempamerkan produk (tidak jelas). *Listing fee* yang dikenakan oleh Petronas adalah sebanyak lebih kurang 1.2 juta untuk seluruh Malaysia dan ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia memang ada menghantar barang mereka ke Petronas. Ini menunjukkan bahawa Petronas ini lebih profesional dalam mengendalikan kerja-kerja mereka. Oleh kerana mereka beranggapan bahawa mereka ini menjalankan kerja sebagai profesional, maka sentimen Melayu Muslim itu sedikit berkurang. Oleh kerana outlet-outlet Petronas ini dikunjungi dan disokong oleh orang-orang Melayu, sepatutnya mereka melebihi produk-produk daripada Melayu dan Islam tetapi ini yang terjadi sebaliknya. Walau bagaimanapun, Petronas sebagai kolong berat di Malaysia telahpun menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik sekali. Pertama sekali, bagi pendidikan umat Islam di Malaysia. Saya rasa 95% mereka yang ke luar negara melalui Petronas adalah umat Islam yang berbangsa Melayu. 5% lagi adalah yang lain-lain seperti Iban, Kadazan dan sebagainya. Mereka yang berkerja di Petronas kebanyakannya 90% juga adalah Melayu. Jadi, apa yang saya saya hendak katakan di sini ialah, kesungguhan mereka sebagai seorang Melayu ini telah dicairkan apabila mereka yang belajar di luar negara yang telah melihat tamadun dan cara berkerja di luar negara, dan balik semula ke Malaysia tanpa mendahulukan Islam dan juga Melayu. Mereka telah terikut-ikut dengan sistem ekonomi yang tidak adil. Jika kita lihat, semua perniagaan yang dijalankan oleh

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

(tidak jelas) khas adalah bersifat kapitalisme. Jadi, inilah perkara yang saya hendak sampaikan. Sebagai seorang Islam dan Melayu daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, saya menyarankan kepada ahli (tidak jelas) dan bukan ahli supaya kita terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan bertanding tidak kira di dalam Malaysia atau di luar Malaysia. Apa yang saya hendak sebutkan ialah perangai bergantung kepada diri sendiri. Ini adalah satu buku yang ditulis oleh Za'aba. Ia menjadi satu para yang menyentuh hati saya dan menjadi inspirasi kepada saya kenyataan ini seperti yang dikatakan oleh Nabi Muhammad SAW, "Tidak akan ada sesuatu kaum dapat mengubah nasibnya tanpa berusaha." Jadi, ini adalah perkara yang saya hendak tekankan di sini. Walaupun sistem kapitalis ini amat mencengkam di Malaysia, tetapi orang-orang Islam contohnya di Sri Lanka adalah 10% daripada penghuni Sri Lanka, tetapi mereka amat berjaya dalam perniagaan. Orang-orang Melayu di South Africa hanya lebih kurang dalam 250 000 orang sahaja, tetapi semuanya kaya-kaya. Jadi, apabila Melayu di sesebuah negara itu menjadi minoriti, ia boleh menjadi juara dalam ekonomi. Seperti juga dengan kaum Cina di Malaysia. Apabila mereka berada di Malaysia, mereka merasakan bahawa mereka bukan rakyat Malaysia, maka mereka berusaha dengan lebih gigih lagi dan dapat menghadapi cabaran yang lebih getir. Tetapi orang-orang yang berada di Malaysia sebelum kemerdekaan lagi, mereka telah dididik sebagai seorang yang bersyukur dengan apa yang dikurniakan oleh Tuhan dan tidak berusaha seperti orang-orang Cina yang merasakan bahawa disebabkan mereka tiada tanah, maka mereka perlu membeli tanah. Orang-orang Melayu di Malaysia masih lagi lalai kerana jika ada masalah, mereka masih boleh pulang ke kampung dan boleh bercucuk-tanam di kampung. Tetapi sekarang ini, apabila kemajuan telah berlalu dengan cepat, pilihan untuk berbuat sedemikian telahpun hilang daripada orang Melayu. Mereka tidak boleh pulang ke kampung kerana mereka tidak biasa bercucuk tanam. Inilah perkara yang berlaku dan ini telah (tidak jelas) oleh dasar kerajaan. Daripada zaman penjajah dahulu, mereka diasingkan dan tidak digalakkan untuk berniaga sedangkan orang Cina dibawa masuk dan mereka secara naturalnya berniaga dan menguasai (tidak jelas). Sebenarnya, di Kuala Lumpur, kampung Melayu itu (tidak jelas) untuk mengumpulkan orang-orang Melayu di sekitar Kuala Lumpur supaya dapat dikumpulkan untuk menjual tanaman dan hasil-hasil (tidak jelas). Suatu ketika dahulu, saya dikhabarkan bahawa majoriti di Kuala Lumpur, 8 daripada 10 penduduk di Kuala Lumpur adalah masyarakat Cina sehingga kita melakukan perubahan dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri kita. Jadi, itulah salah satu perkara yang saya dapat kongsi buat masa ini. Silakan tuan moderator.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (39:00 – 39:55)

Baik, terima kasih. Tadi Dr ada menyebut bahawa bangsa lain yang berada di Malaysia merasakan bahawa mereka tidak mempunyai tanah, maka mereka perlu berusaha untuk mendapatkan tanah. Disebabkan mereka tidak mempunyai duit yang banyak, mereka berusaha mencari duit yang banyak. Agak malang bagi kita apabila kita sudah kehilangan semua itu baru kita mula hendak mencari dan kita sudah terlambat. Jadi, bagi soalan yang seterusnya pada pusingan yang kedua, kita hendak tanyakan kepada Ustaz Engku. Peniaga dan usahawan Islam ini boleh dikatakan membayar zakat. BMF pula wujud kerana melibatkan satu usaha untuk memperkuat ekonomi Islam termasuklah untuk menjamin kehalalan barang yang kita beli. Jadi, apakah sikap yang patut kita ambil mungkin dari segi organisasi atau pengguna Muslim itu sendiri untuk mengukuhkan lagi BMF yang telah diperkenalkan ini. Silakan Ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (39:57 – 51:10)

Bismillah, Alhamdulillah. Daripada apa yang saya sebutkan tadi, mungkin kita boleh katakan *it takes two to tango*. Memang kita boleh menyeru kepada pembeli dengan kempen Buy Muslim First (BMF), tetapi peniaga perlu faham bahawa asas mereka boleh maju dan membuat keuntungan adalah apabila mereka boleh *fulfill* kehendak daripada *consumers*. Saya ambil contoh dalam industri restoran, misalnya. Kita lihat segenap bangsa dan agama, mereka tidak memilih bab makanan, asalkan restoran orang Islam itu sedap, bagus, harganya mungkin munasabah, kita dapati penuh dengan pelanggan daripada pelbagai bangsa dan agama tanpa perlu kita kempen BMF pun. Jadi, memang kita tidak nafikan ada kelebihan ekonomi daripada kempen BMF ini dan kita juga tidak nafikan bahawa ada peniaga-peniaga Muslim yang menyumbangkan sumbangan zakat yang maknanya daripada satu sudut, dia *return back to society what they have made through business*. Tetapi, realitinya, tidak semua orang Islam itu Islamik. Tidak semua orang Islam membayar zakat walaupun mereka mendapat keuntungan. Itu satu. Yang kedua, tidak semua peniaga Islam tahu bagaimana hendak berjaya. Mereka mahu berjaya, tetapi tidak tahu caranya. Jadi, perlu ada latihan yang berterusan sama ada daripada pihak autoriti kerajaan atau daripada pihak para peniaga sendiri. Jadi, kita perlu pupuk budaya tolong-menolong sesama peniaga Melayu sepertimana yang kita tahu terdapat konsep ini dalam kalangan bangsa Cina. Mereka bantu bangsa mereka sendiri dan kita tidak boleh salahkan kerana selagi mana atas konsep menolong, kita juga boleh berbuat demikian terutamanya jika kita kurangkan PHD

holders dalam kalangan orang Melayu, orang yang sentiasa mempunyai perasaan hasad dengki tidak suka melihat bangsa sendiri maju, itu merupakan satu kesalahan diri sendiri. Berbalik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Haji Aminuddin, saya bersetuju bahawa tidak dinafikan sistem politik ada memberi kesan kepada kemajuan atau kemunduran ekonomi orang-orang Islam. Itu merupakan *systemic problem*. Kelemahan dalam sistem pemilihan wakil Dewan Rakyat misalnya, memang ada mendorong kepada kewujudan penggubal undang-undang yang lebih mementingkan apa yang disangkakan popular dalam kalangan pengundi berbanding apa yang diketahui betul. *Instead of doing the right thing, they are going to strike what they think popular*. Jadi, mewujudkan pembuat polisi yang sanggup merasuah dan dirasuah serta membeli dan dibeli. Ini kita tidak nafikan. Tetapi, sementara pihak-pihak tertentu berusaha dan melakukan *political repair and reform*, kita pihak yang fokus kepada ekonomi perlu terus berusaha untuk mengenal pasti *area of demand*. Di mana ada permintaan dan mengusahakan solusi. Maknanya, kita fokus kepada *low hanging fruits* dahulu. Buah-buahan yang mampu kita capai dahulu sebelum bercakap tentang perkara besar yang di luar kemampuan kita. Political dan sebagainya itu bagus, tetapi ia tidak semudah yang dikatakan. Jadi, adakah oleh itu kita hanya merungut? Tidak. Kita mesti mengakui bahawa *business is about offering solutions to people's problems*. Saya percaya Haji Abd Halim lebih faham lagi mewakili Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, tentu lebih mahir bahawa itulah yang dikatakan dengan bisnes. Orang gembira untuk membayar kita kerana mereka percaya apa yang kita tawarkan itu memberi penyelesaian kepada masalah. Saya berikan satu contoh iaitu Grab. Saya tidak fikir Grab pada asalnya adalah satu perkara yang pergi kepada ahli politik dan membayar kepada ahli politik, mereka bermula dengan menyediakan *online platform* yang kena pada masa dan ketika. Orang yang sudah bosan dengan budaya teksi, yang sukar untuk didapatkan. Grab datang dengan satu solusi walaupun pada asalnya kecil, iaitu kita boleh panggil orang yang hendak membawa kita apabila kita perlukan dan orang yang hendak membawa penumpang, dia diberi notifikasi. Mereka juga mengukuhkan sistem sekuriti supaya kita boleh tahu siapa pemandu, nombor kereta dan kita boleh *rate* mereka sedangkan kita tidak boleh *rate* pemandu teksi. Jadi, mahu tak mahu, kita perlu akui bahawa sistem teksi adalah *complacent*. Mungkin pada masa itu orang yang mempunyai hubungan baik dengan ahli politik dapat tender teksi dan sebagainya, dia *complacent*. Jadi dia *face out*, bukan sebab sistem kapitalis itu sendiri, tetapi sesiapa pun sama ada Cina, India atau Melayu, jika dia mampu memberi solusi demikian apatah lagi apabila datang pandemik Covid-19, orang hendak

memesan makanan *online*, bahkan saya sendiri mengakui telah terpengaruh dengan budaya hidup demikian. Hanya menggunakan platform seperti Grab, Food Panda dan sebagainya lebih mudah tanpa perlu ke kedai. *So, I think it's still open to Muslim*. Adakah mereka berjuta dengan berjaya? Shopee dan Lazada hanya *provide solutions* untuk *shopping* dalam suasana yang lebih *convenient*. Jika kita hendak membeli barang, kita boleh baca *review* terlebih dahulu. Saya percaya bahawa orang Islam boleh *compete* jika mereka ada kesungguhan dan tahu bagaimana. Saya hanya berikan cadangan. Mungkin Haji Abdul Halim sebagai orang yang mahir dalam bidang perniagaan mungkin boleh pertimbangkan dan bincangkan sama ada *viable* atau tidak. Kita tahu bahawa kerajaan perlu ada *political link*. Kadangkala ia bukan soal *political link*, kadangkala ia tentang *willingness to scratch your back and you scratch mine*. Kita tidak boleh ketepikan elemen-elemen yang kita tidak mahu terlibat. Tetapi, tidak bolehkah sekiranya para peniaga Islam dengan kerjasama ramai orang-orang muda yang suka benda-benda *online* dan sebagainya ini mewujudkan platform yang boleh membuat *direct link* yang menghubungkan secara terus dan *get rid of* orang tengah. Kita selalunya dikawal oleh orang tengah kerana kita tiada *direct access*. Kita sesama Muslim kan ada Muslim *suppliers, purchasers, providers, users* bahkan ada *trainers and trainees*. Saya perhatikan orang-orang yang berniaga sekarang pun suka dilatih tetapi adakah mereka berhubung dengan orang yang tepat dan organisasi yang tepat? Ini yang kita katakan dengan Suq. Kita bukan sahaja katakan sebagai sunnah Nabi, membuat pasar dan sebagainya tetapi bagaimana kita hendak realisasikan sunnah nabi tadi? Adakah fizikal Suq, atau yang lebih sesuai dengan konteks kita sekarang iaitu *online platform*. Virtual Suq. Pasar secara virtual. Kita boleh kenalpasti kelemahan kerajaan, kita boleh kenalpasti kelemahan sistem itu *but at the same time, they are still within our reach. What have you done about that?* Jadi, *teach them to fish rather than giving them a fish*. Ini adalah satu masalah juga. Orang-orang yang mempunyai kuasa carilah solusi supaya orang-orang yang B40 ini diajar bagaimana cara menangkap ikan. Kadangkala orang yang berkuasa lebih suka untuk senyum, beri bantuan, dapat *political miliage, personal miliage*, menganggap bahawa mereka sudah membantu, memberi duit zakat sana sini yang sebenarnya tidak betul-betul menyelesaikan masalah. Ya, kita tahu bahawa zakat ada asnaf. Mungkin ia memberi bantuan kepada orang-orang yang memerlukan, tetapi mengapa kita tidak pergi misalnya kepada konsep wakaf atau konsep duit daripada Baitulmal untuk mengubah orang yang asalnya memerlukan bantuan, tetapi dengan bantuan yang diberikan dalam bentuk latihan, modal, peluang perniagaan dan sebagainya, akhirnya mereka boleh berjaya. *So, it's either from*

the government, or business community themselves. Itu yang saya nampak selain daripada kita cuba betulkan sistem kita. Kita tidak mampu untuk mengubah sistem kerana terlalu *corrupted*. Itulah suasana politik yang kita hadapi sekarang. *It's so corrupted here and there*, jadi kita tak tahu nak betulkan di mana dahulu. Tapi, *doesn't mean we have to be helpless*. Luar daripada skop bantuan kerajaan, luar daripada skop tender kerajaan, saya percaya bahawa jika sesama peniaga Muslim menggembeleng tenaga dengan orang pakar teknikal dan sebagainya contohnya dalam isu kibar bendera putih, jadi kita boleh menawarkannya kepada *virtual platform* dan saya percaya ada orang yang sudah menawarkannya. Mungkin sesetengah peluang perniagaan boleh didapati melalui *win-win arrangement* antara orang yang memerlukan dan orang yang ingin menyalurkan bantuan. Setakat itu sahaja. Saya serahkan kembali kepada saudara moderator. Silakan.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (51:11 – 51:55)

Baik, terima kasih Ustaz Engku. Ustaz Engku ada menyebut berlakunya corruption. Perkara ini juga melibatkan ahli politik yang boleh dikatakan menentukan bagaimana percaturan dan langkah-langkah yang perlu dibuat oleh rakyat. Bagi soalan seterusnya, tadi Tuan Haji Aminuddin ada menyebutkan bahawa ahli politik ini ibarat merekalah yang mencengkam dan apa sebenarnya yang boleh berlaku jika kekuatan ekonomi bangsa Melayu ini dizahirkan menerusi politik bangsa? Maknanya politik bangsa itu yang menjadi satu perkara yang lebih besar daripada ideologi-ideologi ahli politik. Kita hendak dapatkan komen daripada Tuan Haji Aminuddin bagi soalan ini. Silakan.

Tuan Haji Aminuddin Yahaya (ahli panel) = (51:58 – 1:04:19)

Ya, jika kita lihat antara punca berlakunya 13 Mei 1969 ialah isu jurang ekonomi antara orang Melayu dan bangsa-bangsa lain. Jika kita lihat kepada sejarah, *what happened yesterday* akan *reflect* apa yang berlaku hari ini. Jadi, kita kena lihat bahawa kita telah dianaktirikan dari segi ekonomi, ratusan tahun oleh penjajah. Jika kita baca bagaimana pendiskriminasian orang Melayu yang tidak diberi tempat berniaga, tidak diberikan kemudahan dan sebagainya. Sebab itu orang Melayu sentiasa terpinggir dari segi ekonomi. Dalam masa yang sama, kita lihat ahli politik tidak membantu. Mereka lebih mementingkan soal jawatan dan harta benda mereka. Jadi, sebab itu kita telah memikirkan dengan sahabat-sahabat bagaimana kita hendak baiki apa yang berlaku

pada hari ini tanpa banyak bergantung kepada ahli politik, tanpa merintis pengalaman-pengalaman lepas. Oleh itu, kita mengemukakan BMF ini dan kita telah mengira, sebagai contoh saya difahamkan pelajar-pelajar tahfiz terdapat 500,000 orang di negara kita ini. Jika kita letakkan seorang makan RM30 sehari, RM15 juta sehari. Kalau 30 hari berapa? Setahun pula berbillion. Tetapi kita lihat pada hari ini, disebabkan kurangnya bekalan daripada pengeluar-pengeluar bumiputra, pelajar-pelajar tahfiz ini terpaksa membeli apa yang dibuat oleh *non-Muslim*. Jadi, persoalan yang selalu ditimbulkan, apakah makanan yang mereka makan itu halal dan toyyiban? Bagaimana mereka hendak menghafal al-Quran dan melahirkan akhlak yang mulia jika makanan pun tidak dijamin kehalalannya. Al-Quran ni sesiapa pun boleh hafal, insyaAllah jika rajin dan bersungguh, tetapi apa yang kita hendak bina ialah akhlak itu sendiri. Jika dia menjadi pemimpin, pemimpin yang berakhlak baik dan sebagainya. Jika kita lihat dari segi pasarannya, sangat besar kosnya. 80% pengguna dalam negara ini adalah orang Melayu, bumiputra. Jika tuan-tuan biasa pergi ke pasaraya, memang majoritinya orang Melayu. Jadi mengapa kita tidak boleh menyumbang sedikit kepada orang Melayu Islam walaupun kadangkala saya faham, banyak kekurangan daripada segi kualiti pada peringkat awal ini. Bagi saya, tidak mengapa kerana saya lihat di sesetengah tempat seperti di taman saya sendiri, mereka hendak menyokong bangsa mereka sendiri, mereka sanggup pergi berbatu jauhnya walhal ada kedai Melayu di hadapan mata, mereka takkan beli. Ini kesungguhan mereka sehingga mereka begitu berjaya. Jadi, sebenarnya kita sangat lemah dalam konsep bantu-membantu. Kita lebih selesa memilih mana yang lebih baik. Saya tidak menafikan bahawa semua orang mahukan yang terbaik, saya juga selalu beritahu kepada pengeluar-pengeluar bahawa kita perlu baiki mutu kita dan jangan mengharap sentimen sahaja. Sentimen ini ada jangka masanya. Pada peringkat awal, memang tidak dinafikan dalam keadaan kita telah didoktrinkan dengan satu sistem saya sebutkan tadi. Kita telah didiskriminasikan dengan begitu lama. Orang Melayu tidak diberi berniaga oleh pihak British ratusan tahun. Jadi, bukan senang kita hendak mengubah pemikiran ini. Tetapi, saya tidak berputus asa dan saya yakin jika betul perkara ini dapat kita jalankan, mungkin masanya bukan setahun dua tahun, mungkin berpuluh tahun sebab kita perlu ingat bahawa kita telah didoktrin beratus tahun. Jadi, hendak membangunkan semula jati diri dan semangat itu mungkin mengambil masa yang sangat lama. Tetapi, sekurang-kurangnya kita ada usaha dan Alhamdulillah, pengalaman kami setelah setahun lebih perkara ini dijalankan, ramai peniaga-peniaga Melayu yang telah mengaku kepada kami bahawa hasil jualan mereka

meningkat sehingga dua ke tiga kali ganda malah ada yang mula hendak menambah kilang mereka. Itu baru sedikit sentimen sahaja. Tetapi malangnya, sudahlah kerajaan ini tidak membantu, malah mereka membuat satu kempen pula, seolah-olah satu naratif yang lain. Kita kata Buy Muslim First, tetapi mereka pula kata Buy Malaysia First. Saya tidak faham mengapa dengan kerajaan. Kita bukan menolak, kita hendak membantu orang yang miskin. Jika ada dua kedai, seorang kaya dan seorang miskin yang menjual perkara yang sama. Adakah salah jika saya hendak pergi ke kedai yang miskin ini kerana hendak membantu? Bagi saya, tidak ada yang salah. Kita bukan hendak Buy Muslim Only tetapi Buy Muslim First. Jika tiada, barulah pergi ke kedai bangsa lain. Jadi, mengapa orang terlalu anti dengan perkara ini? Kita hanya hendak membantu. Kita juga perlu ingat, jika jurang ekonomi begitu luas, akan berlaku rusuhan. Kita juga kena ingat, jika orang Melayu terlalu tertekan, sekarang mereka boleh bersabar lagi, tetapi kemudian hari mereka akan membuat tindakan yang luar biasa seperti membunuh diri, mencuri dan sebagainya. Ini yang kita hendak selesaikan. Orang nampak kita seolah-olah hendak diskriminasi, sebenarnya tidak. Kita hendak membantu mereka yang miskin. Kita hendak memberi kesejahteraan kepada rakyat secara umum dan memberikan keselesaan kepada golongan majoriti. Apabila orang Melayu ini mempunyai kedudukan ekonomi yang selesa, saya yakin akan berlaku perhubungan kaum yang sangat baik. Orang Melayu bukan orang yang suka membuat dengki dan membuat jahat kepada orang lain, tidak. Ini telah terbukti dalam sejarah. Bekas pemimpin British, menulis 100 tahun dahulu dalam bukunya, *The True Malay*. Beliau menyebut bahawa orang Melayu ini sangat bersopan santun, sangat akomodatif, ini realiti yang berlaku pada orang Melayu. Jadi, sejarah membuktikan bahawa orang Melayu bukan suka membuat jahat dan sebagainya. Tetapi apabila mereka mempunyai masalah menyediakan nasi di atas meja untuk anak cucu mereka, sudah tentu mereka akan bersedia melakukan apa sahaja. Bukan mereka sahaja, malahan kita sendiri jika tidak mampu membuat sedemikian, kita akan hilang pertimbangan. Jadi, BMF ini sebenarnya membawa kesejahteraan kepada semua. Bukan sahaja umat Islam, tetapi jika orang Melayu ini sejahtera, ekonominya baik, saya yakin negara akan aman. Sebab itu jika kita lihat negara-negara seperti Finland, New Zealand yang mempunyai taburan ekonomi yang adil, mereka tidak banyak berlaku insiden-insiden yang tidak diinginkan. Tidak banyak berlaku pembunuhan, rusuhan dan sebagainya. Tetapi perkara ini banyak berlaku dalam negara-negara yang hendak membangun. Mengapa? Kerana tekanan ekonomi yang begitu mendesak. Jadi, BMF ini merupakan satu penyelesaian bukan sahaja ekonomi, sosial,

sistem politik kerana kita tidak perlu lagi bergantung kepada politik. Ini merupakan satu realiti dan kenyataan yang jika kita buat, saya sangat yakin bahawa orang Melayu boleh bangun dari segi ekonomi. Lupakan politik, lupakan tekanan-tekanan kapitalis. Kita bina sistem sendiri. Masalah kita ialah walaupun kita mempunyai bank yang namanya Bank Islam, tetapi masih lagi membawa konsep kapitalis. Yang miskin akan tetap miskin. Selagi kita duduk dalam sistem kapitalis ini, letaklah nama Islam sekalipun, ia tidak akan membawa apa-apa perubahan. Jadi, kita perlu bina sistem ekonomi baharu yang diistilahkan sebagai Mukhadun ini. Bukan kita hendak anti sesiapa, tidak pernah ada satu perkataan pun yang menyebut kita anti kepada mana-mana pihak tetapi kita sentiasa menekankan bahawa kita hendak bantu golongan termiskin dan terpinggir iaitu golongan orang Melayu. Jika tiada duit ini, ibadat pun sukar. Nak solat pun susah jika perut lapar. Sebab itu saya tanyakan kepada rakan-rakan saya di Indonesia suatu ketika dahulu, bagaimana mereka berdakwah? Mereka menjawab bahawa berdakwah tentang Islam bukan sahaja bercerita tentang Islam dan keindahannya. Beri makan dahulu, mereka akan terima dan dapat beribadah dengan baik. Jadi, ekonomi dengan ibadah serta ketaatan kepada Allah SWT sangat dekat. Sebab itu jika kita lihat para sahabat Nabi yang kaya sebenarnya banyak membantu Islam. Mereka membantu membangunkan Islam. Jadi, ekonomi ini sangat rapat dengan pembangunan Islam itu dan pembangunan kerohanian itu sendiri. Begitulah dalam konteks BMF ini. Jangan lihat ia sebagai satu perkara yang memencilkan orang lain. Saya faham ada banyak kelemahan dan sebagainya tetapi itu adalah ruang untuk kita baiki dan bukan untuk kita tohmah, tekan kerana mereka memang telah tertekan. Wallahualam.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:04:21 – 1:04:43)

Baik, terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Aminuddin. Setelah kita mendengar penerangan itu bahawa pentingnya ada kesedaran ini. Bagaimana pula pandangan Dr Haji Abd Halim sebagai pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Apakah perjuangan dan aspirasi DPMM dalam membentuk peradaban ekonomi Islam ini. Silakan.

Dr Haji Abd Halim Husin (ahli panel) = (1:04:46 – 1:21:35)

Assalamualaikum. Kita di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia sebenarnya memang menyokong BMF. Buat pengetahuan semua, bekas dewan muda pusat kita dahulu, saudara Khabul adalah salah seorang orang kuat BMF ini. Beliau adalah salah seorang tenaga yang mengkoordinasi

lebih 30 orang admin Facebook dan pelbagai lagi dalam menyemarakkan BMF ini. Satu lagi perkara yang saya hendak bawakan kepada para pendengar. Dalam membentuk peradaban ekonomi Islam ini, Dewan Melayu pada ekstraordinari yang lepas telah meluluskan satu perkara dalam *constitution* kami supaya kita ini bertujuan untuk berniaga tanpa ribaa. Ini adalah salah satu tujuan kami yang menyatakan bahawa kami hendaklah menuju kepada perniagaan tanpa ribaa. Ini adalah perkara yang sangat penting dalam Islam kerana kata Ustaz-ustaz yang mengajar saya dahulu, pada zaman sekarang, jika kita tidak membakar ribaa, kita akan kena tempiasnya sahaja kerana semua perkara ini akan melibatkan ribaa sama ada kereta, rumah dan sebagainya. Walaupun kita meminjam daripada Bank Islam, tetapi asas pengiraannya sebenarnya adalah pengiraan ribaa. Inilah perkara yang orang Melayu perlu lakukan. Salah satu perkara yang kita pentingkan juga ialah *equality* di antara peniaga Melayu Bersama dengan peniaga bukan Melayu. Jika kita lihat Wawasan 2020, salah satu prinsipnya dahulu ialah *equality* di mana 69% rakyat Malaysia sepatutnya mendapat 69% kekayaan di Malaysia ini tetapi seperti yang kita lihat dalam RMK tahun lepas yang diumumkan oleh Perdana Menteri, ekuiti orang Melayu hanyalah 17%. Jika kita lihat statistik daripada EPF, (tidak jelas) 1000 simpanan di EPF. Jadi, jika 75% itu kebanyakannya adalah Melayu, saya amat yakin bahawa 99% pekerja di Malaysia ini adalah pekerja-pekerja Melayu dan EPF ini salah satu indikator di mana mereka menyimpan, maka orang Melayu antara yang termiskin sekali di Malaysia. Walaupun kita ada 20% orang Melayu di Tabung Haji yang dikategorikan sebagai B20, hanya ada 25,000 sahaja Melayu yang melabur dalam Tabung Haji. Jadi, inilah perkara yang kita hendak mendapatkan *equality* antara Melayu dan bukan Melayu dan menyamaratakan yang tinggi dan yang rendah. Bermakna, kita bukan hendak menyamakan seperti di China pada zaman dahulu, tetapi kita mahu orang-orang Melayu berasa selesa, bak kata Tuan Syed, setiausaha PERKASA dua hari lepas, mengatakan bahawa tujuan orang Melayu hidup untuk selesa. Mereka tidak perlu kekayaan tetapi satu kehidupan yang selesa. Ada rumah, kereta dan cukup makan. Mereka tidak bercita-cita terlalu tinggi seperti yang digempar-gemburkan dalam internet dan sebagainya. Mereka ini berkerja dengan ikhlas, dalam beberapa industri terutamanya industri perkhidmatan dan kebanyakan orang Melayu di bandar melakukan sekurang-kurangnya dua pekerjaan pada satu hari. Jadi, inilah perkara yang kita hendak perbetulkan. Seperti yang saudara Amin katakan tadi, kita punya kebudayaan untuk tidak berniaga ini telah dipupuk oleh penjajah beratus tahun. Jika kita hendak mengubahnya, kita akan mengambil satu generasi. Sekarang kita telah mencapai satu atau 2 generasi. Tetapi, oleh

kerana pemerintah kita pada masa dahulu seperti kita sekarang. Apa yang kita tidak miliki dahulu, kita akan berikan kepada anak kita contohnya seperti pendingin hawa. Apabila kita memberikan anak-anak kita perkara yang berlebihan, mereka berasa senang dan tidak ada perkara yang akan susah pada masa hadapan yang perlu mereka fikirkan. Mereka telah terperangkap dalam satu keadaan di mana mereka tidak perlu berusaha lebih daripada orang tua mereka. Seperti yang dikatakan oleh Ustaz Engku berkenaan wakaf dan sebagainya, memang Dewan Perniagaan Melayu sedang mengusahakan menubuhkan wakaf ini dan telah bersetuju untuk membina wakaf bersama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kita juga telah bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Islam Malaysia. BMF ini telah didaftarkan oleh Dewan Perniagaan Islam pada tahun 2019. Jadi, inilah perkara yang ingin kami lakukan dan pada hari ini, saya menerima jemputan daripada Demi Maliau yang diketuai oleh Tuan Haji Kareem dalam forum ini supaya kita dapat menguatkan ukhawah kita dan sama-sama berinteraksi mengenal satu sama lain dan diharapkan dengan interaksi ini dapat mengembangkan lagi perkara yang tuan-tuan sedang lakukan dan apa yang Dewan Perniagaan Melayu telah usahakan. Sebagai contoh, berkenaan dengan rangkaian bekalan. Dewan Perniagaan Melayu telah menandatangani MOU dengan Persatuan Pengguna Islam Malaysia. Oleh kerana dahulu PPIM adalah satu organisasi yang menganjurkan BMF dengan amat kuat sekali. PPIM ini adalah satu badan pengguna. Walaupun sekarang PPIM masih menyokong BMF ini, tetapi mungkin usaha mereka terarah kepada perkara yang lebih semasa seperti vaksinasi sekarang. Tetapi, apa yang menarik, salah seorang daripada orang yang terlibat dengan BMF, seperti cikgu telah menubuhkan organisasi sendiri dan meneruskan usaha berkenaan BMF. Jika kita gabungkan bersama dengan PEMBELA dan semua organisasi Islam ini, kita akan dapat menjalankan apa yang Rasulullah sarankan kepada kita iaitu membeli daripada orang Islam adalah lebih baik daripada membeli daripada orang bukan Islam. Seperti yang dilakukan di Brunei, fatwanya ialah jika membeli daripada orang bukan Islam, hukumnya syubhah kerana walaupun orang bukan Islam itu mengatakan bahawa barang mereka halal dan tidak memerlukan proses halal dan sijil halal seperti air mineral, kerana air tersebut kosong dan diletakkan dalam bekas yang bersih, tetapi apabila dilakukan oleh orang bukan Islam di Brunei, hukumnya syubhah. Perkara syubhah ini mendekatkan kita kepada perkara yang haram. Satu lagi saya hendak komen berkaitan apa yang saudara Amin nyatakan bahawa usaha ini perlu dilakukan secara terus-menerus dan orang Melayu akan membuat perkara yang mungkin tidak masuk akal. Apa yang lebih penting ialah

kemiskinan mendekatkan kita kepada kekufuran. Itu adalah satu perkara yang perlu dipercayai oleh orang Islam dan menjadikan diri mereka berjaya dan kaya supaya mereka boleh menjadi orang yang berguna kepada orang lain. Itulah perkara yang saya ingin sampaikan. Diharapkan dengan forum kita hari ini, kita dapat merapatkan saf kita dengan organisasi Melayu dan Islam. Jika dahulu kita bergerak di bawah MTEM, yang berasaskan perniagaan di peringkat nasional sahaja. Tetapi apabila berlaku gabungan, semua orang boleh masuk dan dalam kes berkaitan politik dan sebagainya, Tuan Haji Aminuddin mengetuai dan kes-kes berkenaan dengan perniagaan dan polisi dan ekonomi, kita yang ke hadapan. BMF ini mengharapkan agar semua orang terlibat dan kita sebenarnya masih lagi mencari sebuah organisasi di mana seorang yang boleh mengetuai BMF dalam gabungan ini. Sekian, Assalamualaikum.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:21:36 – 1:22:29)

Baik, terima kasih diucapkan kepada Dr Haji Abdul Halim. Jadi, sebelum kita ke bahagian kesimpulan, saya ingin membacakan satu komen daripada Iskandar Shah, “Apa kata kita fokus bagaimana BMF membantu rangkaian perniagaan yang medium to *high industry*. Contohnya *food supply, raw materials, packaging, logistic, e hailing, digital platform* kerana *segment* ini sangat kurang BMF *participate* dan *exposed*. Contoh kecil ialah restoran-restoran BMF masih lagi membeli bahan perniagaan yang bukan di rangkaian BMF. Alasannya faktor harga, kredit dan lain-lain. Belum lihat sektor lain lagi. Peniaga kita tidak amalkan BMF. Jadi, mungkin sebagai kesimpulan seminit dua minit, kita mulakan dengan Ustaz Engku untuk tajuk BMF: Apakah Ia Mampu Mengubah Ekonomi Sahaja? Silakan Ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (1:22:30 – 1:26:51)

Baik, terima kasih. Saya mulakan kesimpulan dengan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 5. Allah berfirman, “Jangan kamu beri kepada orang-orang yang tidak elok akal fikiran, harta kamu. Allah jadikan harta kamu itu sebagai asas kehidupan kamu.” Jadi, dalam Islam, menjaga hart aini termasuk dalam salah satu objektif agama. Tidak diberi kepada orang yang sufaha’. Sufaha’ bukan sahaja orang yang tidak pandai menjaga harta tetapi juga orang yang tidak pandai untuk invest dan infa’ kan hartanya, belanjakan harta secara yang memberi manfaat kepada manusia. Lebih-lebih lagi, kita tidak sepatutnya memberi kepimpinan dan kuasa kepada sufaha’, orang yang membazir harta apalagi harta yang dibazirkan itu didapati dengan jalan

rasuah. Jadi, untuk menjayakan BMF ini, saya lihat ia memerlukan peranan pelbagai pihak. Yang pertama tentulah pihak berkuasa. Kita faham jika mereka beri projek kepada satu pihak kerana apa yang ditawarkan oleh pihak yang satu lagi tidak mencapai kualiti yang diharapkan, mungkin kita akan kata bahawa pihak tersebut akan menambah baik. Tetapi, jika pihak itu memberi sogokan atau dorongan yang tidak wajar, maka ini tentulah akan mematikan ekonomi Islam kerana orang Islam dilarang untuk memberi dan menerima rasuah. Yang kedua, peranan daripada peniaga sendiri. Dalam keadaan kita setuju untuk memberi keutamaan kepada peniaga Muslim, tetapi pada masa yang sama, peniaga Muslim juga perlu kreatif untuk melihat peluang itu. Di mana kelemahan kita? Jadi, kita berikan solusi. Sama ada mereka menerima idea BMF atau tidak, tetapi mereka menyukai tawaran dan produk kita. Secara tidak langsung akan membantu kejayaan BMF ini. Kita bukan memejam mata, tetapi memang kita lihat bahawa bangsa kita sudah semakin maju. Dalam bidang perniagaan, mereka semakin professional bahkan produk mereka juga berkualiti antarabangsa. Sebagai contoh, air berkarbonat Hausboom. Cara mereka memasarkan produk mereka, kita lihat sama seperti produk antarabangsa tetapi sebenarnya hasil daripada orang Islam. Begitu juga dengan sebahagian daripada hotel-hotel milik orang Islam di Kuala Lumpur ini juga ada. Kita lihat, MasyaAllah. Perkhidmatan, kualiti mereka sangat *high class*. Jadi, dengan pihak peniaga menjalankan peranan ini, ia memudahkan kejayaan BMF. Orang itu mendorong untuk menjayakan umat Islam, dalam masa yang sama didorong oleh kepuasan terhadap apa yang ditawarkan. Yang ketiga, saya cadangkan platform yang menghubungkan secara terus *suppliers* dengan pembeli. Jadi, sebagai penutup, saya berdoa dan mengucapkan semoga BMF bukan sahaja satu inisiatif yang betul, tetapi inisiatif yang dijalankan betul-betul. Wallahualam.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:26:54 – 1:26:59)

Baik, terima kasih dan bagaimana pula dengan pandangan Tuan Haji Aminuddin sebagai kesimpulan untuk tajuk ini? Silakan.

Tuan Haji Aminuddin Yahaya (ahli panel) = (1:27:01 – 1:30:11)

Sebagai akhiran, saya merayu kepada semua rakyat Melayu Islam dan sebagainya, marilah kita sama-sama bermujahadah sedikit dari segi harta benda dan masa dalam menjayakan BMF ini dan membantu orang Islam. Bukan sahaja kita dapat produk, tetapi dalam masa yang sama kita dapat

pahala. Jadi, tidak mahukah kita? Jika kita beli daripada bukan Islam, dapat barang sahajalah. Walaupun terdapat sedikit kekurangan dari segi kualiti, dan harga yang sedikit mahal, tetapi tidak semua begitu. Ada juga produk yang bagus dan sangat competitive. Jika letak dengan produk lain, memang boleh ditandingi. Itu perjuangan kita dalam konteks ekonomi. Jika kita tidak berjaya membantu sesama kita, jauh lagi masa hadapan kita. Kedua, saya hendak berterusterang dengan semua rakyat, jika kita betul-betul hendak membuat perubahan ini, jika ada pemimpin yang membantah dan melarang, eloklah kita tidak pilih mereka lagi menjadi pemimpin dalam PRU 15. Bukan kita hendak bergantung kepada pemimpin politik ini, tetapi bantuan mereka boleh memudahkan perkara ini. Jadi, cukuplah kita mempunyai pemimpin yang hanya mementingkan diri sendiri. Pilihlah pemimpin yang benar-benar berwibawa dan melihat rakyat sebagai keutamaan mereka. InsyaAllah, jika kita menjayakan ekonomi, kita juga boleh membawa politik baharu dalam negara kita. Saya yakin kehidupan umat Islam di negara ini akan lebih bahagia, mewah dan makmur. Hal ini kerana ekonomi dan politik sangat berkait rapat. Kelemahan politik pada hari ini disebabkan oleh faktor ekonomi dan harta benda yang menjadi rebutan mereka. Jika kita dapat selesaikan, kita akan dapati kehidupan yang lebih harmoni, hubungan antara kaum lebih baik dan tidak timbul isu bunuh diri dan sebagainya, InsyaAllah. Itulah pandangan saya. Wallahualam.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:30:13 – 1:30:18)

Baik, terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Aminuddin dan bagaimana dengan Dr Haji Abd Halim sebagai kesimpulan? Silakan.

Dr Haji Abd Halim Husin (ahli panel) = (1:30:23 – 1:34:50)

Saya daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia amat berharap supaya kita menyahut apa yang saudara Amin katakan tadi untuk memilih pemimpin yang betul-betul menyanjung Islam di Malaysia ini. Salah satu sebab adalah kerana *government is the biggest buyer*. Jadi, jika kerajaan tidak membeli daripada orang Melayu Islam, maka separuh daripada orang yang boleh bangkit dan menyara ramai orang dalam perniagaan mereka ini tidak akan boleh menyara mereka ini. Kedua, *consumer* di Malaysia ini kebanyakannya 69% adalah daripada orang Melayu Islam iaitu yang membelanjakan 3 billion ringgit setiap bulan. Bayangkan jika 3 billion ini kita membeli sesame kita, maka setiap peniaga daripada orang Islam dan Melayu akan dapat menyara seorang

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

tahfiz atau pelajar di sekolah atau di universiti. Ketiga, kita hendaklah menuju kepada *digitalization* kerana ini adalah perkara yang perlu ada pada perniagaan pada masa akan datang. Menyentuh tentang *digitalization* ini, kita di Dewan Melayu mempunyai 300 ke 500 orang usahawan dalam *digitalization* yang diketuai oleh Dewan Muda kita iaitu saudara Zafri di mana salah seorang daripada mereka telah mampu membuat *sales* sebanyak 1 juta sehari untuk 365 hari dalam setahun sepanjang tahun lepas. Jadi, ini adalah satu perkara yang membanggakan, Muslim dan barangan yang dijual adalah daripada Muslim dan untuk membantu perkara ini agar terus bertambah, kita berharap supaya lebih ramai usahawan menjadi ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan menambah rantaian bekalan yang kita telah ada dan kita sedang membesarkan rangkaian ini ke seluruh negara. Kita telah mengadakan beberapa rantaian tetapi masih lagi belum dapat merangkumi semua ini. Walau bagaimanapun, peniaga India Muslim telah mengadakan perkara ini. Jadi, kita perlu bekerjasama dengan mereka untuk menggunakan kemudahan yang mereka ada dan kita berharap agar BMF ini akan lebih disemarakkan oleh kita semua dan orang-orang Islam akan berjaya di dunia dan akhirat. Itulah harapan kami. Assalamualaikum.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:34:51 – 1:35:41)

Insyallah, Alhamdulillah. Jadi, pada malam ini, kepada para penonton Perbincangan Rakyat Demi Melayu, kita telah menyaksikan dan mendengar perkara-perkara yang perlu kita laksanakan untuk memastikan kempen BMF iaitu Buy Muslim First, mengutamakan peniaga Islam. Perbincangan Rakyat Demi Melayu telah berada di penghujung program, kita ucapkan jutaan terima kasih kepada para panel kita, Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Tuan Haji Aminuddin dan juga Dr Abd Halim kerana sudi meluangkan masa dan berkongsi pendapat. Kepada para penonton Perbincangan Rakyat Demi Melayu, teruskan kekal bersama perbincangan ini pada episod akan datang, hari yang sama, Jumaat pukul 9 malam. Denagn itu, kita ucapkan Assalamualaikum dan selamat malam.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Tuan Haji Aminuddin Yahaya, Dr Haji Abd Halim Husin (ahli panel) = (1:35:42 - 1:35:49)

Walaikumussalam w.b.t.

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320